



Rujukan : MITI:100-6/1/63 ()

Tarikh : 26 November 2020

PERSATUAN-PERSATUAN INDUSTRI DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

PELAKSANAAN DAN PEMATUHAN KETAT PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) OLEH PIHAK MAJIKAN BAGI SEKTOR INDUSTRI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan menyokong dan menghargai usaha-usaha pihak industri merangkumi pelbagai sektor untuk membantu memulihkan ekonomi Negara yang masih berhadapan ancaman pandemik COVID-19. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sentiasa berusaha memastikan aktiviti-aktiviti ekonomi dapat berjalan lancar sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Ini adalah berdasarkan komitmen industri untuk mematuhi sepenuhnya prosedur operasi standard (SOP) PKP termasuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan agensi-agensi penguatkuasa yang berkenaan.

3. Sehubungan dengan itu, Kerajaan memandang serius peningkatan kes positif COVID-19 bagi kluster-kluster yang melibatkan pihak industri terutamanya di negeri-negeri Selangor dan Pulau Pinang. Sehingga 24 November 2020, KKM melaporkan jumlah kes aktif bagi kluster yang melibatkan industri seperti berikut:

- i) Kluster Teratai 4,036 kes (190 warganegara dan 3,846 bukan warganegara);
- ii) Kluster Bayan 167 kes (89 warganegara dan 78 bukan warganegara);
- iii) Kluster Intan 200 kes (118 warganegara dan 82 bukan warganegara);
dan
- iv) Kluster Assumption 19 kes (15 warganegara dan 4 bukan warganegara).

4. Dalam hal ini, Kerajaan ingin memberi peringatan dan penegasan supaya pihak industri mengambil tanggungjawab dan memberi perhatian serius dalam memastikan kebajikan dan kesihatan pekerja terpelihara. Pihak industri perlu mematuhi **Seksyen**

24J, Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) iaitu berkenaan kewajipan dan tanggungjawab berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja. Syarikat juga perlu mematuhi SOP yang ditetapkan bagi sektor masing-masing dan menjalankan saringan ujian COVID-19 secara berkala kepada semua pekerja atas kos dan inisiatif sendiri.


5. Sekiranya syarikat didapati melanggar SOP atau tidak memberikan kerjasama sewajarnya kepada pihak KKM, Kerajaan akan mengambil tindakan menutup premis dan kilang berkenaan dibawah **Seksyen 18(1)(d), Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)**.

6. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

Salam Hamid,

(LOKMAN HAKIM ALI)

Salinan kepada:

- 1. YBHG. DATUK HJ. MOHD RABIN BIN BASIR**
Ketua Pengarah Keselamatan Negara
Majlis Keselamatan Negara
Jabatan Perdana Menteri, Aras LG & G, Blok Barat
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
- 2. YBHG TAN SRI DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Kompleks E, Aras 12, Blok E7, Presint 1
62590 PUTRAJAYA
- 3. YBHG. DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Blok E1, E3, E6, E7 dan E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
- 4. YBHG. DATO' JAMIL BIN RAKON**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Blok D3 & D4, Kompleks D
62530 PUTRAJAYA